

# PENGARUH ISLAM DAN ANJAKAN PARADIGMA PEMIKIRAN MELAYU: SATU TINJAUAN

Harliana Halim<sup>1</sup>, Kamaruzaman Yusoff<sup>2</sup>, Aminuddin Basir<sup>3</sup>, Shakila Ahmad<sup>4</sup>,  
Shamsaadal Sholeh Saad<sup>5</sup>

<sup>1,4,5</sup> Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

<sup>1</sup>*harliana@uthm.edu.my*

<sup>4</sup>*shakila@uthm.edu.my*

<sup>5</sup>*sham@uthm.edu.my*

<sup>2</sup>Institut Kajian Rantau Asia Barat,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
*zuryati@yahoo.com*

<sup>3</sup>Pusat Citra,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
*manhaj@ukm.edu.my*

## ABSTRAK

Pertalian antara Dunia Melayu dan Dunia Islam merupakan satu perkara yang tidak dapat disangkal lagi. Para sejarawan berpandangan kecemerlangan pemikiran masyarakat Melayu mempunyai perkaitan dengan faktor pengislaman masyarakat tersebut. Selain itu elemen kemajuan dalam Islam juga dikatakan menjadi faktor momentum kepada anjakan paradigma masyarakat Melayu di nusantara. Justeru, kertas kerja merupakan satu kertas kerja tinjauan yang bertujuan untuk mengkaji konsep kemajuan dalam Islam yang telah mempengaruhi pemikiran intelektual dan masyarakat Melayu. Kertas kerja ini juga akan mengkaji kesan konsep tersebut sehingga membawa kepada satu anjakan paradigma orang Melayu yang baru. Kajian ini merupakan kajian kualitatif historikal deskriptif, oleh itu pengumpulan data dilakukan melalui kaedah penyelidikan perpustakaan. Fakta-fakta kajian yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis melalui kaedah analisis teks dan perbandingan dokumen sebagai pengukuhan kepada aplikasi kaedah induksi dan deduksi. Berdasarkan dapatan kajian, dapatlah disimpulkan bahawa pengaruh Islam merupakan satu faktor utama yang membawa kepada kemajuan dan pembangunan masyarakat Melayu serta memberi kesan anjakan kepada paradigma masyarakat tersebut.

**Kata kunci:** Pengaruh Islam; tamadun; paradigma; Melayu

## **ABSTRACT**

*The connection between Malay World and Islamic World could not be denied anymore. The historian claims that the success of Malay community thinking shows a correlation with the Islamic community factors. Furthermore, civilization elements in Islam is mentioned as a momentum factor to the paradigm shift of the Malay community in the region. Thus, this paperwork is a review paperwork that is meant to investigate the concept of civilization in Islam that has been influencing the intellectual thinking and Malay community. This study will also discover the effects of the concepts that brings to the paradigm shift among the new Malays. This study is a qualitative historical descriptive study, hence, the data collection was done through library research method. The collected facts regarding to the study was then analyzed through the induction and deduction method application. Based on the findings, it can be concluded that the influence of Islam is the main factor that brings development and civilization of Malay community which also gives effects to the paradigm shift of the community.*

**Keywords:** *Influence of Islam, civilization, paradigm, Malay*

### **1. PENGENALAN**

Sejarah telah menyaksikan bahawa masyarakat Melayu bersedia untuk berubah ke tahap yang lebih maju. Pada kebiasaannya perubahan itu lebih mudah berlaku atas sebab-sebab keagamaan. Kecenderungan menerima perubahan dan pengaruh dari Dunia Islam berterusan di Alam Melayu. Proses ini berlaku sejak dahulu lagi khususnya sebelum masuknya pengaruh tamadun dan budaya kolonial serta nilai-nilai barat yang sekular.<sup>1</sup> Satu perkara yang menarik perhatian di sini ialah Alam Melayu tidak dapat dipisahkan dengan Dunia Islam sejak pertama kali hadirnya Islam ke rantau ini sehinggalah ke zaman digital teknologi terkini. Kenapa ini yang berlaku? Ini adalah kerana perkembangan Islam di Alam Melayu atau rantau Timur amat berkait rapat dengan perkembangan Islam di Timur Tengah.

Pertalian yang erat antara dunia Melayu ini terbina kerana rantau ini telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada Dunia Islam dan pengaruh kebudayaan Islam ke atas kebudayaan Melayu amat besar. Walaupun masyarakat Melayu zaman silam telah menghadapi pelbagai proses difusi dan akulturasi bermula dengan kebudayaan Hindu, Islam dan barat, namun didapati kebudayaan Islamlah yang paling banyak menonjol dan mempengaruhi cara hidup Melayu<sup>2</sup> termasuklah sistem nilai dan pemikiran. Kesebatian Islam dengan jiwa masyarakat Melayu telah menjadi teras dalam pembentukan identiti, budaya dan tamadun Melayu. Oleh yang demikian, agak sukar ditentukan yang manakah sebenarnya merupakan nilai-nilai tradisi Melayu asli yang mana satukah nilai-nilai Islam kerana Islam mengiktiraf segala kebudayaan yang tidak bercanggah dengan syariatnya.

Satu perkara yang tidak dapat dinafikan berhubungan dengan kehadiran Islam ke rantau ini ialah Islam telah mengangkat martabat masyarakat Melayu ke tahap yang lebih maju. Islam

---

<sup>1</sup> Abdol Raouh Yaccob, Hubungan pemikiran Islam Timur Tengah dan Alam Melayu, Kertas kerja Seminar Islam di Tanah Melayu Abad ke-19, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 2 September 2002.

<sup>2</sup> Ismail Hamid, *Masyarakat dan budaya Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1991, hlm. 78.

juga telah membawa satu bentuk perubahan dan anjakan paradigma pemikiran Melayu sepertimana yang telah disebutkan oleh Profesor Syed Muhammad Naguib Al-Attas,

‘Islam telah merubah bukan sahaja struktur zahir masyarakat Melayu-Indonesia itu, bahkan perubahan itu sampai juga ke struktur batinnya-sampai juga ke jiwanya’.<sup>3</sup>

Sesungguhnya Islam telah memperkenalkan satu konsep kemajuan yang telah membina peradaban dan ketamadunan masyarakat Melayu. Bahkan perkataantamadun dan adab itu sendiri telah diperkenalkan oleh Islam. Pengenalan konsep itulah yang telah memartabatkan masyarakat Melayu sehingga mampu membina ketamadunan bangsa yang tinggi merangkumi pelbagai bidang dulu, kini dan selamanya.

Justeru, kertas kerja ini dihasilkan adalah bertujuan untuk mengkaji konsep kemajuan dalam Islam yang telah mempengaruhi pemikiran intelektual dan masyarakat Melayu. Kertas kerja ini juga akan mengkaji kesan konsep tersebut sehingga membawa kepada satu anjakan paradigma orang Melayu yang baru.

## **2. KONSEP KEMAJUAN DALAM ISLAM**

Dalam membincangkan konsep kemajuan dalam Islam, antara perkara penting yang perlu dimaklumi ialah Islam tidak mengiktiraf kewujudan dualisme antara rohani dan jasmani manusia. Islam berpandangan kedua-duanya adalah merupakan satu kesatuan yang tidak mungkin dipisahkan. Berdasarkan konsep ini seseorang itu tidak dianggap sebagai Islam yang sebenar, sekalipun beliau ikhlas, jujur dan secara menyeluruh beriman kepada Allah, malaikat, kitab, para rasul, hari akhirat serta qada' dan qadar, sehinggalah keimanan itu direalisasikan melalui amalan dan perbuatannya sama ada dalam perhubungannya dengan Allah seperti mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji bagi yang berkemampuan. Dalam pada itu, perkara-perkara lain yang juga digolongkan bersama rukun Islam itu tadi ialah perhubungan dengan manusia yang lain meliputi segenap aspek kehidupan di dunia, termasuklah soal politik, ekonomi, sosial dan selainnya.<sup>4</sup> Oleh itu, mengikut perspektif Islam, semakin alim dan komitednya individu itu dengan Islam maka semakin produktif individu tersebut dalam kehidupannya dan bukan sebaliknya.

Berhubung dengan kesepaduan kemajuan dan pembangunan antara rohani dan mental ini juga bererti Islam tidak memisahkan kehidupan dunia dan kehidupan akhirat. Setiap aktiviti manusia di dunia adalah sebagai bekalan untuk dunia akhiratnya. Penyediaan bekalan yang baik untuk kehidupan akhirat adalah bergantung kepada tindakan yang baik di dunia dan begitu juga sebaliknya. Oleh yang demikian, dalam Islam, kematian bukanlah pengakhiran bagi kewujudan manusia tetapi merupakan satu proses transisi perjalanan hidup manusia yang mana destinasi manusia yang terakhir adalah alam akhirat yang akan menentukan segala amal dan perbuatan manusia di dunia fana' ini diterima ataupun sebaliknya.

Oleh kerana tanggungjawab untuk merealisasikan Islam dalam realiti kehidupan rohani dan jasmani, duniawi dan ukhrawi dipertanggungjawabkan oleh Allah ke atas manusia maka

---

<sup>3</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam dalam peradaban dan kebudayaan Melayu*, Angkatan Belia Islam Malaysia, Petaling Jaya, 1990, hlm. 22.

<sup>4</sup> Mohd Nasir Omar, *Islam dan pembangunan bersepadu: konsep dan perspektif*, dlm. Ismail Abd. Rahman & Mohd. Nasir Omar, *Islam, cabaran dan isu semasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 109.

amat wajarlah manusia itu sendiri dijadikan daripada kesepaduan antara dua unsur rohani dan jasmani secara *nature*-nya. Firman Allah S.W.T :

*Sesungguhnya Aku akan menciptakan manusia dari tanah, maka apabila telah Aku sempurnakan kejadiannya dan Aku tiupkan roh dariKu.*<sup>5</sup>

Daripada maksud ayat tersebut dan beberapa ayat lain dalam Al-Quran, maka jelaslah bahawa manusia diciptakan daripada dua unsur iaitu unsur *material* yang diwakili oleh tanah bertujuan menahan manusia dari cintakan dunia dan unsur *non-material* iaitu unsur-unsur kerohanian yang mengikat manusia dengan kehidupan akhirat dan cintakan penciptanya, yakni Allah, tambahan pula unsur rohani atau *ruhiyyah* ini berasal dari Allah S.W.T.

Jadi, dalam perjalanan manusia menuju kesempurnaan dan menjalankan tanggungjawab mereka sebagai hamba serta khalifah Allah untuk mentadbir, mengaman dan mencipta sejarah di dunia ini adalah satu kurniaan dan taklifan amanah Allah kepadanya, oleh yang demikian kedua-dua unsur ini memerlukan pengisian yang seimbang. Unsur kebendaan memerlukan makan, minum, rumah, kenderaan dan sebagainya. Sementara unsur kerohanian memerlukan penghayatan Islam yang benar, akhlak mulia, aqidah yang jitu serta matlamat hidup yang jelas. Islam mengajar umatnya supaya berusaha memenuhi tuntutan-tuntutan rohani dan jasmani di atas. Kegagalan manusia memenuhi kehendak unsur tersebut bermakna manusia telah merosakkan amanah Allah yang paling berharga kepadanya iaitu dirinya sendiri.

Islam bukanlah agama yang menolak atau menafikan dunia sepertimana yang didakwa oleh sesetengah pengkaji barat tetapi merupakan agama yang mengesahkan bahawa dunia adalah dijadikan Allah untuk kegunaan manusia dan untuk dimanfaatkan dengan sebaiknya mengikut kaedah dan jalannya. Di sinilah sebenarnya neraca yang membezakan Islam dengan agama yang lain. Islam mengajar manusia bersikap rasional dan positif terhadap dunia serta menjelaskan fungsi sebenar manusia sebagai khalifah Allah iaitu memakmur dan mengimarahkan bumi dengan sebaik-baiknya. Walaubagaimanapun, oleh kerana unsur kerohanian merupakan intisari manusia yang lebih mulia dan datang dari Allah sendiri, manakala unsur kebendaan itu berasal dan tanah, maka perlu difahami bahawa penciptaan kebendaan oleh Allah perlu digunakan oleh manusia untuk memenuhi kerohanian diri setiap individu.

Konsep kemajuan, tamadun, pembangunan, hadarah, *civilization* dan lain-lain, umumnya pada hari ini ditanggapi dalam konteks yang sempit dan terbatas kepada pembangunan material lahiriah semata-mata. Konsep kemajuan yang diperkenalkan Islam mempunyai sifat yang menyeluruh, merangkumi aspek-aspek moral, *ruhiyyah* (kerohanian) dan *maddivah* (kebendaan). Daerah operasi kemajuan ialah manusia dan dirinya termasuklah sikap, dorongan, perasaan, inspirasi serta pembangunan di luar diri manusia seperti faktor-faktor sumber, modal, buruh, pendidikan, kemahiran, organisasi dan lain-lain. Oleh itu, maju mundurnya individu bukanlah semata-mata dinilai kepada pencapaian material lahiriah tetapi menjurus kepada *ruhiyyah* yang ada dalam jiwa manusia itu sendiri sebagai elemen yang memimpin kekayaan materialnya. Kepimpinan aspek rohani dalam tingkah laku kegiatan hidup manusia dapat dilihat atau dimanifestasikan dengan metodologi mendapati dan menggunakan kemajuan material tersebut. Jadi di sini jelas bahawa Islam meletakkan manusia sebagai agen perubah asasi dan bukannya material. Manusalah yang

---

<sup>5</sup> Al-Quran, Surah Sad 38: 71-72.

wajib membangunkan dirinya dan juga material dalam usaha untuk memenuhi tuntutan Allah yang sekaligus bermakna melaksanakan tugas tersebut sebagai hamba dan khalifah Allah. Sebagai hamba dan khalifah Allah, manusia dipertanggungjawabkan untuk mentadbir, memakmur, dan membina kehidupan yang bahagia di dunia ini sebagai bekalan untuk mencapai kejayaan di akhirat.<sup>6</sup>

Pembangunan bersepadu menurut perspektif Islam adalah pembangunan yang menjadikan nilai-nilai moral dan kerohanian sebagai dasar yang memimpin setiap kegiatan ekonomi, politik dan budaya manusia ataupun penerapan daripada pelaksanaan tuntutan-tuntutan Allah dalam pembangunan bidang-bidang tersebut. Oleh kerana elemen rohani yang menjadi pemimpin kepada elemen kebendaan maka manusia sepatutnya tidak menghambakan diri kepada material kerana fokus utama kemajuan dalam Islam ialah pembangunan manusia itu sendiri yang kemudiannya barulah diikuti dengan pembangunan kebendaan, alam sekitar dan sosiobudaya.

### 3. PENGARUH ISLAM DAN ANJAKAN PARADIGMA ORANG MELAYU

Penerimaan Islam sebagai *ad-Din* yang dianuti oleh majoriti masyarakat di Alam Melayu telah meletakkan masyarakat Melayu berada dalam kelompok *Khairu Ummah*. Islam telah menyediakan jiwa masyarakat Melayu untuk memainkan peranan pembangunan yang lebih pesat.<sup>7</sup>

Penerimaan Islam sebagai *ad-Din* dan pengakuan Allah sebagai Tuhan yang layak disembah telah memberi jawapan kepada masyarakat Melayu daripada persoalan dan usaha pencarian Tuhan yang sesuai disembah. Bahkan masalah menyembah Tuhan tertentu pada masa-masa tertentu telah dapat diatasi dengan hadirnya Islam ke jiwa Alam Melayu kerana konsep ketuhanan dalam Islam itu telah dijelaskan menggunakan kaedah tradisional Islam melalui dalil naqli yang berupa al-Quran dan al-Sunnah mahupun melalui fahaman rasionalisme dan intelektualisme yang menggabungkan dalil naqli dan aqli. Hakikat diri sebagai insan pula difahami dengan mengenali Allah atau *makrifatuLLah* sebagai *Khaliq* yang satu sepertimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Memahami dan mengenali hakikat diri sebagai *khalifatuLLah*, *ibaduLLah* ini menjadi sumber utama kepada pembangunan masyarakat Melayu yang bermula dengan pembangunan jiwa dan intelek yang hanya dapat dikenali melalui bahasa ilmiah; Bahasa Melayu. Bahasa ilmiah ini menjadi satu khazanah berharga bukti peninggalan Islam sepertimana yang telah tercatat dalam penulisan kitab-kitab lama dalam pelbagai disiplin ilmu yang antaranya masih lagi digunakan sehingga ke hari ini sekalipun penggunaannya berada dalam konteks yang berbeza daripada hari ini.

Dalam hal ini, Prof. Naguib mengatakan banyak didapati risalah dan kitab-kitab mengenai falsafah dan metafizik yang mengemukakan teori-teori dan kenyataan yang berdasarkan ilmu pengetahuan pengenalan berkenaan ontologi, kosmologi dan psikologi sebagaimana yang terdapat dalam tulisan ahli tasawuf Islam terkenal sama ada dari golongan *mutakallimin* dan ahli mantiq mahupun berisi pandangan ahli-ahli falsafah Yunani seperti Plotinus, Aristotle dan Plato. Kitab-kitab tersebut walaubagaimanapun hanya dikaji dari sudut perspektif yang sempit seperti dari aspek sejarah dan dari sudut

---

<sup>6</sup> Mohd Nasir Omar, *Islam dan pembangunan sepadu: konsep dan perspektif*, hlm. 116-117.

<sup>7</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*, hlm. 24.

bahasa dalam bentuk pengucapan atau sebagai pengaruh asing dalam bahasa Melayu. Kajian-kajian yang sempit ini sebenarnya tidak mampu mengungkap ketinggian intelektual Melayu yang telah menerima Islam sebagai cara hidup mereka.

Sebagai contoh, kajian yang menyentuh tentang penggunaan *Basmalah*, *Tahmid* dan selawat dalam kitab-kitab lama dianggap sebagai pengaruh Parsi dan Arab dalam penulisan namun sebenarnya perubahan yang dibawa lebih jauh dari itu. Penggunaan-penggunaan ini jelas membuktikan kepada kita bahawa berlakunya satu perubahan yang besar dalam kehidupan masyarakat Alam Melayu yang sebelumnya memuja dewa dan semangat yang jelas tertera pada tinggalan monumen dan ada tinggalan yang bersifat konkrit sepertimana tinggalan Hindu-Buddha-Jawa kuno.<sup>8</sup> Perubahan universal yang dibawa oleh Islam yang dapat dikenalpasti melalui tinggalan bahasa yang hidup dan menghidupkan jiwa itu hingga kini masih digunakan oleh masyarakat Alam Melayu.

Bahasa yang dibawa oleh Islam mampu menggambarkan aktiviti individu dan masyarakat Alam Melayu pada zaman tersebut. Kata-kata kalam, dakwat ilmu, hikmat, kertas mencirikan sifat intelek yang tinggi yang ada pada zaman pertapakan Islam di Alam Melayu. Bahkan kewujudan institusi pendidikan seperti sekolah pondok, langgar, pesantren, rangkang dan sebagainya berfungsi membawa masyarakat untuk lebih memahami Islam turut membina keintelektualan Melayu. Dalam stratifikasi masyarakat pula wujud sekumpulan intelektual yang dikenali sebagai ulama.

Kewujudan ilmu, ulama dan institusi pendidikan menjelaskan kepada kita bahawa kedatangan Islam telah membina masyarakat yang cintakan ilmu dan mempunyai keinginan tinggi untuk memajukan diri. Pengenalan perundangan Islam turut mengatur hidup masyarakat Melayu dengan lebih sistematik. Bahkan pemilikan aqidah yang sama di kalangan anggota masyarakat telah melahirkan kesatuan dan perpaduan dalam kehidupan seraya mengukuhkan lagi, sebagai contoh tradisi gotong-royong yang telah lama berakar umbi dalam masyarakat Melayu.

Selain itu, contoh lain perundangan Islam mengatur kehidupan masyarakat Melayu ialah pembinaan hubungan kekeluargaan melalui ikatan perkahwinan yang mana melibatkan permuafakatan antara dua buah keluarga telah diperhalusi dengan perundangan Islam yang mensyariatkan akad dan nikah sebagai satu syarat sahnya hubungan kekeluargaan. Ini juga menunjukkan betapa Islam amat memandang berat terhadap amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul dalam sesebuah keluarga.

Dari perspektif lain, pengaruh Islam ke atas pemikiran dan kebudayaan Melayu dapat dinilai dari segi aktiviti-aktiviti pendidikan sepertimana yang dijalankan di madrasah, surau, pesantren dan kepelbagaian institusi lain telah banyak menyumbang ke arah bersemaraknya *intellectual environment* di kalangan masyarakat Melayu pada masa yang sama telah menyumbangkan kepada kelahiran intelektual-intelektual tempatan. Institusi pendidikan ini tumbuh bagaikan cendawan sehingga muncul istilah 'Serambi Mekah' seperti yang telah digelar kepada beberapa tempat di Alam Melayu umpamanya Acheh, Pattani, Kelantan dan beberapa buah tempat lagi yang menandakan lokasi-lokasi ini telah berjaya melahirkan intelektual Melayu yang mewarnai persada ilmu rantau Melayu. Nama-

---

<sup>8</sup>Abdul Rahman Rukajni, Nota ringkas mengenai Islam di Alam Melayu, hlm. 193.

nama seperti Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Sumatrani, Nuruddin al-Raniri dan yang seumpamanya menandakan bahawa Alam Melayu tidak ketandusan ilmuan-ilmuan agung.

Di samping itu, kehadiran Islam ke daerah sini juga telah memperkenalkan sistem masjid sebagai pusat kegiatan sosial Melayu-Islam. Fungsi ini jelas dilihat berdasarkan pembinaan masjid dalam sesebuah negeri adalah berada di lokasi yang strategik. Sebagai contoh, pembinaan masjid dalam Empayar Kesultanan Melayu Melaka telah ditempatkan di tepi sungai kerana di Melaka, sungai menjadi jalan perhubungan penting. Lokasi masjid yang berdekatan dengan sungai akan memudahkan masyarakat yang berhubung melalui sungai singgah di masjid untuk menunaikan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah di samping menyatakan kesyukuran atas segala rezeki yang diperolehi pada hari tersebut. Berhampiran dengan masjid telah dibina sekolah, pasar dan pelabuhan.

Fungsi masjid yang diperkenalkan oleh Islam di kampung-kampung adalah lebih jelas. Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, masjid berfungsi sebagai pusat kegiatan sosial sepertimana fungsi yang telah dimainkan oleh sebuah balairaya pada hari ini. Masjid bukan sahaja menjadi tempat tumpuan melaksanakan ibadah malah menjadi medan berkumpulnya masyarakat kampung dalam membincangkan dan menyelesaikan masalah setempat yang timbul. Masjid juga menjadi tempat penyebaran ilmu melalui kuliah-kuliah pengajian, sesi pengajaran seni mempertahankan diri silat dan sebagainya.

Dalam hubungan kemasyarakatan yang melibatkan aktiviti ekonomi muncul istilah *iqtisad'*. Istilah ini popular digunakan sehingga awal abad ke-20 bagi memperlihatkan kegiatan ekonomi Islam n di kalangan masyarakat Melayu. Penggunaan perkataan 'syarikat' pula memperlihatkan kegiatan ekonomi dijalankan secara kolektif di kalangan masyarakat Melayu.

Dalam aspek perundangan dan kehakiman, istilah adil untuk memperlihatkan. Pengaruh prinsip keadilan yang diperkenalkan oleh Islam dalam perundangan dan kehakiman begitu signifikan dengan sistem masyarakat Melayu sehinggakan penggunaan perkataan adil diterima pakai sehingga ke hari ini. Aplikasi perundangan dan kehakiman juga memerlukan kepada pengadil atau hakim yang mana jelas kepada kita bahawa hanya golongan yang arif, berilmu dan pakar dalam hukum sahaja yang mampu mengadili perbicaraan dengan adil dan saksama. Tugas dan tanggungjawab hakim yang berat ini memerlukan kepada institusi mahkamah sebagai tempat perbicaraan bagi menghakimi perbicaraan. Contoh-contoh inilah yang memperlihatkan kepada kita betapa tersusunnya kehidupan masyarakat Melayu setelah menerima Islam sebagai satu cara hidup yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Islam mengatur jiwa dan mengatur kehidupan masyarakat. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa kehadiran Islam ke Nusantara telah merubah peradaban dan ketamadunan Melayu sekaligus memberi jawapan kepada para orientalis yang sering mengeneipikan peranan Islam dan zamannya dalam membina peradaban yang unggul.

Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam karyanya *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* berkata, "Dalam menilai peranan dan kesan Islam, ciri-ciri yang harus dicari oleh mereka bukan pada tugu dan candi mahupun pada pahatan dan wayang - ciri-ciri yang mudah dipandang mata jasmani - akan tetapi pada bahasa dan tulisan yang sebenarnya mencorakkan daya budi dan akal merangkumi pemikiran".<sup>9</sup> Berdasarkan

---

<sup>9</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*, Angkatan Belia Islam Malaysia, Petaling Jaya, 1990, hlm. 19.

kepada kenyataan beliau ini, dapat difahami bahawa Islam mempengaruhi pemikiran umat Nusantara melalui pengkayaan bahasa dan pengenalan tulisan iaitu tulisan jawi dengan penyesuaian huruf-huruf Arab.

Bidang bahasa dan kesusasteraan turut menerima pengaruh yang amat besar kesan daripada kedatangan Islam ke Nusantara. Bahasa dan kesusasteraan Melayu telah mendapat kedudukan tinggi sebagai bahasa intelektual pada ketika itu dan memartabatkan kedudukannya sebagai bahasa *lingua franca* di Nusantara. Perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu disokong oleh pengenalan abjad Arab membentuk sistem tulisan baru bagi menggantikan tulisan Palava yang ditemui pada prasasti di Kedukan Bukit (683 M), Kota Kapur (686 M), Talang Tuwo (684 M) dan beberapa tempat lain sehingga menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa sastera yang popular.<sup>10</sup> Kepopularan ini telah melahirkan bidang persuratan Melayu.

Abad keenam belas dan ketujuh belas menyaksikan perkembangan penulisan sastera falsafah, metafizik dan teologi rasional yang membentuk pensejarahan Nusantara selaras dengan perkembangan sistem tulisan baru yang dikenali sebagai tulisan jawi.<sup>11</sup> Pendapat ini turut disokong oleh Mahayuddin Hj Yahya. Menurut beliau aktiviti penulisan khususnya penulisan berbentuk agama di Nusantara bermula secara meluas pada abad ke-17 masihi di Aceh sehingga merebak ke seluruh negeri di Nusantara. Justeru, terdapat kitab-kitab agama karangan ulama tempatan.<sup>12</sup>

Selain itu, perkembangan tulisan jawi sebagai faktor penulisan sastera menyaksikan sastera yang berasal daripada zaman Hindu-Buddha telah ditulis semula ke dalam tulisan Jawi selepas daripada kedatangan Islam. Manakala perkembangan persuratan Melayu telah membentuk penulisan-penulisan yang merangkumi pelbagai corak seperti penulisan bercorak ilmu pengetahuan agama (Tafsir, Hadith, Tauhid atau Usuluddin, Fiqh, Tasawuf dan sebagainya), penulisan bercorak sastera hikayat (*Hikayat Muhammad Ali Hanafiyah*, *Hikayat Nabi Muhammad s.a.w* dan sebagainya) serta penulisan bercorak sejarah, undang-undang sepertimana *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*, sastera rakyat berbentuk prosa, puisi dan sebagainya.

Dari segi lain, Islam telah membawa perubahan sosial terutama menyentuh aspek stratifikasi masyarakat. Sebelum kedatangan Islam, masyarakat yang sedia ada hidup dalam sistem kasta yang membezakan kedudukan seseorang individu dengan individu yang lain, dengan hadirnya sinar Islam, masyarakat peringkat bawahan merasai harga diri sepertimana kumpulan masyarakat lain. Walaupun demikian struktur organisasi masyarakat tidak berubah terutama dari aspek corak pemerintahan serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.<sup>13</sup>

Pengaruh Islam turut menjadi pendorong penubuhan kerajaan Melayu-Islam Kerajaan Islam Samudera-Pasai (1009-1444 M), Kerajaan Melaka (1400-1511 M) dan Kerajaan Aceh (1500-1650 M) menjadi bukti pengaruh Islam dalam politik pemerintahan. Sebagai satu kuasa politik Islam, kerajaan-kerajaan ini telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan kuasa besar Islam seperti Turki dan India bagi mengukuhkan pertahanan negara.

---

<sup>10</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah, hlm 56.

<sup>11</sup> Syed Muhammad Naqiub al-Attas, hlm. 44.

<sup>12</sup> Mahayuddin Hj. Yahya, *Naskhah Jawi sejarah dan teks*, Jilid I, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm 18.

<sup>13</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah, hlm.51.



Ini terbukti bilamana Aceh telah menjalin hubungan dengan Turki di bawah pemerintahan Sultan Salim II (1566-1573) yang telah menganugerahkan gelaran Sultan kepada Sultan Aceh. Hubungan-hubungan yang seterusnya telah mengiktiraf kedudukan Aceh sebagai 'Serambi Mekah' dan pembela mazhab *Ahli Sunnah wa al-Jamaah* di Nusantara.<sup>14</sup>

Dari aspek perdagangan, sejarah sebelum kedatangan Islam mencatatkan perdagangan daerah Kepulauan Nusantara ini terbatas dalam gelanggang Lautan India sehingga menyebabkan kehidupan seharian masyarakat turut dipengaruhi dengan kebudayaan India termasuklah dalam bidang keagamaan dan kebudayaan. Selepas kedatangan Islam sahajalah masyarakat sekitar ini dapat memperluaskan perdagangan yang tidak hanya terbatas di sekitar Lautan Hindi sahaja tetapi turut melayari Laut Merah, Laut Parsi, Laut Tengah sehinggalah ke pelabuhan-pelabuhan di Eropah.<sup>15</sup>

Pengaruh Islam turut memperkenalkan bidang pendidikan Islam kepada masyarakat Nusantara pada ketika itu. Institusi pendidikan tumbuh di merata-rata tempat. Di Indonesia misalnya, institusi pendidikan Islam ini dikenali sebagai pesantren manakala di Tanah Melayu dikenali sebagai institusi pondok. Selain itu, istana turut menjadi pusat pengajian Islam sepertimana Istana Melaka yang berfungsi sebagai perpustakaan, tempat penyalinan dan penterjemahan kitab-kitab dan hikayat. Terdapat juga pusat pengajian didirikan di rumah-rumah ulama, surau atau madrasah, masjid dan sebagainya.

Pentadbiran negara turut mengambil berat akan pertumbuhan pendidikan Islam di kalangan masyarakat. Contohnya di Aceh, atas perintah Sultan, setiap kampung didirikan masjid dan madrasah yang diketuai oleh seorang Imam merangkap ketua masyarakat di situ.<sup>16</sup> Usaha yang dijalankan oleh Sultan Aceh ini telah melahirkan ramai para ulama yang mendapat kedudukan dalam masyarakat terdiri daripada ulama yang berasal dari luar mahupun tokoh-tokoh tempatan. Nama-nama seperti Abdul Rauf al-Fansuri, Abdul Rauf Singkel, Hamzah al-Fansuri, Shamsuddin al-Sumatrani adalah terdiri daripada tokoh-tokoh tempatan. Manakala tokoh-tokoh ulama dan luar termasuklah Syeikh Nur al-Din al-Raniri, Syeikh Abu al-Khair ibni Hajar dan Syeikh Muhammad Yamani.

Kehadiran tokoh-tokoh ulama (di samping beberapa nama-nama lain) inilah telah menyemarakkan lagi kegiatan intelektual Islam pada zaman tersebut dan mencambah pemikiran Islam masyarakat Nusantara. Polemik intelektual yang timbul di kalangan para ulama ini telah menyemarakkan kegiatan penulisan dengan penghasilan karya-karya yang tidak ternilai harganya. *Taj al-Salatin* (1603), *Bustan al-Salatin* (1638) dan *Sulalatus Salatin* (1612) merupakan karya berharga yang mewarnai pensejarahan Islam ketika itu. Terdapat juga kegiatan pentafsiran al-Quran yang dipelopori oleh Abdul Rauf Singkel sehingga melahirkan *Tafsir al-Baidhawi*. Tidak dilupakan juga karya-karya Hamzah al-Fansuri berbentuk puisi mahupun prosa. Antara karya beliau berbentuk puisi seperti *Syair Burung Pingai*, *Syair Perahu* dan *Syair Dagang* manakala karya beliau berbentuk prosa ialah *Syarab al-Asyikin* dan *Asrar al-Arifin fi Bayan ilm al-Suluk wa al-Tauhid*.<sup>17</sup>

---

<sup>14</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Sejarah dan pemikiran Islam*, Penerbitan Pena Sdn. Bhd., Damansara Utama, 1981, hlm. 255.

<sup>15</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, hlm. 48.

<sup>16</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Sejarah dan pemikiran Islam*, hlm. 256.

<sup>17</sup> Ibid. hlm. 257

Di samping itu terdapat juga kegiatan penterjemahan naskhah-naskhah Arab ke dalam bahasa Melayu. Banyak kitab jawi yang menerangkan ajaran Sunni adalah terjemahan daripada bahasa Arab, tetapi tampak jelas pandangan tempatan dalam kitab-kitab jawi tejemahan. Malah judul karya asal telah ditukarkan kepada nama baru, misalnya *Kitab Umm al-Barahin* tulisan al Sanusi (1490 M) diterjemahkan kepada bahasa Melayu oleh Muhammad Zayn b. Jalal al-Din pada tahun 1757 sebagai *Bidayat al-Hidayah* dan dengan nama *Sirajal Huda* atau *Aqidat al-Najin* oleh penterjemah-penterjemah lain.

Turut berkembang pada ketika itu kegiatan pembukuan undang-undang dalam bentuk kitab yang mudah difahami sebagai panduan para hakim yang digelar sebagai *qadi* oleh masyarakat setempat. Undang-undang Islam yang dibukukan di Filipina dikenali sebagai *Luwaran*. Bagi Sumatera dan Tanah Melayu kegiatan ini telah dilakukan lebih awal lagi. Hukum dan undang-undang tradisi telah dihapuskan dan tempatnya diganti dengan hukum-hukum syarak.

Dalam bidang perundangan negara, undang-undang kanun Mazhab Syafie telah dijadikan asas penyusunan undang-undang bagi bangsa Melayu. Undang-undang dan pandangan mazhab tersebut tentang pengurusan harta benda, perdagangan, tata tertib istana, perhambaan, perkahwinan dan pengadilan, penghukuman serta pendendaan kerana kesalahan telah diterima sebagai undang-undang negara mahupun sesebuah kerajaan. Ini menandakan bahawa mazhab yang diterima dalam pengamalan umat Islam di Nusantara ialah mazhab Syafie.

Perkembangan Islam turut didokongi oleh kumpulan sufi yang telah membentuk tempat ibadat sebagai pusat pendidikan dan penyebaran agama. Majoriti surau yang sesetengah tempat mengenalinya sebagai *ribat* atau *zawiyah* nampaknya menjadi tempat melatih kepandaian membaca dan menulis.

Pengaruh Islam juga menyebabkan berlakunya perdebatan pantheisme yang memperkayakan lagi khazanah kesusasteraan. Perdebatan ini melibatkan tokoh-tokoh seperti Hamzah al-Fansuri (Barus) dan Syams al-Din al-Sumatrani (Pasai) yang lama menjelajah dan mendapat didikan filsafat yang didasarkan kepada Neoplatonisme dan ilmu mistik Ibu Arabi di Hijaz dengan tokoh ulama Nur al-Din al-Ranin yang menegakkan tasawuf *Ahl al-Sunnah*. Namun pengaruh pantheisme tetap berlarutan dan dalam pada itu terhasil karya-karya Sufi yang amat digemari umum seperti *al-Hikam* oleh Ibn' Ata dan *al-Risalah al-Qushayriyyah*. Dengan kedatangan Islam juga telah memperkembangkan ilmu-ilmu teologi, fiqh, hadis, sufisme dan tafsir.

#### **4. PENUTUP DAN KESIMPULAN**

Masyarakat Melayu Nusantara merupakan masyarakat yang telah memperlihatkan keunggulan dalam bidang keintelektualan dan kebudayaan. Keunggulan itu diperolehi daripada ajaran dan semangat keagamaan yang tinggi kesan daripada kehadiran Islam dengan pengenalan konsep kemajuan yang sebenar. Islam telah memainkan peranan penting dalam pembentukan pemikiran masyarakat Nusantara. Walaupun budaya tempatan masih lagi diamalkan, namun penyerapan kebudayaan Islam itu lebih terserlah diamalkan dalam kehidupan seharian. Manakala di pihak pemerintah pula, ajaran dan undang-undang Islam diletakkan di tempat istimewa dalam pentadbiran negara.

Islam telah hadir ke rantau sini dan memperkenalkan satu bentuk kemajuan yang menyeluruh dalam kehidupan masyarakat Alam Melayu. Walaupun kemudiannya, kebudayaan Melayu menghadapi persaingan dan pada kebudayaan barat yang cuba untuk bertapak semasa era kolonialisme di rantau ini. Namun kebudayaan Melayu-Islam tetap utuh menempuh cabaran dan hambatan semasa. Perubahan yang dibawa oleh Islam terlalu mahal harganya dan sewajarnya masyarakat Melayu lebih menghargai nikmat dan anugerah istimewa dari Allah ini khusus untuk umat Melayu-Islam Nusantara; nikmat Islam yang telah mengangkat martabat Melayu sebagai *khair al-ummah*.

## RUJUKAN

### *Al-Quran al-Karim*

- Ahmad Daudy. 1983. *Allah dan manusia dalam konsepsi Syeikh Nur al-Din al-Raniri*. Jakarta . Penerbit C.V. Rajawali.
- Abdullah Ishak. 1992. *Islam di nusantara ( khususnya di Tanah Melayu )*. Petaling Jaya : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Abdul Latiff Abu Bakar. 1996. *Melaka dan arus gerakan kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Hj.Abdullah. 1981. *Sejarah dan pemikiran Islam*. Kuala Lumpur : Penerbitan Pena.
- Abdul Rahman Hj.Abdullah. 1987. *Pemikiran Islam masa kini sejarah dan aliran*. Kuala Lumpur . Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Hj.Abdullah. 1990. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara sejarah dan perkembangannya hingga abad ke-19*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Hj.Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia: sejarah dan aliran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah. 1989. *Islam dalam sejarah Asia Tenggara tradisional*. Kuala Lumpur . Penerbitan Pena.
- Abdul Rahman Rukaini. 1980. Nota ringkas mengenai Islam di alam Melayu. Dim. Khoo Kay Kim ( pnyt. ). *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia.
- Aboebakar Atjeh. 1980. *Pengantar ilmu tarekci dan tasawuf*. Kuala Lumpur Pustaka Aman Press.
- Abdul Raouf Yacob. Hubungan pemikiran Islam Timur Tengah dan Alam Melayu. Kertas kerja Seminar Islam di Tanah Melayu Abad ke-19, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi pada 2 September 2002.
- Amran Kasimin. 1995. *Agama dan perubahan sosial di kalangan penduduk asli di Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1990. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1966. *Raniri and Wujudiyah*. Singapura Monograph of the Malaysia Branch Royal Asiatic Society III.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Auni Abdullah. 1991. *Islam dalam sejarah politik dan pemerintahan alam Melayu*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Azyumardi Azra. 1995. *Jahngan ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara abad XVII dan XVIII*. Bandung : Penerbit Mizan.

- Azyumardi Azra. 1999. *Renaissance Islam Asia Tenggara*. Bandung : Penerbit PT Remaja Rosdakarya.
- Badriyah Hj Salleh & Tan Liok Ee. 1997. *Alam persejarahan dari pelbagai perspektif*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barbara Watson Andaya & Virginia Matheson. Islamic thought and Malay tradition the writings of Raja Haji of Riau (ca. 1809 - ca. 1870 ). Dim. Anthony Reid & David Marr ( pnyt.). *Perceptions of the past in Southeast Asia*. Kuala Lumpur : Heinemann Reis Educational Books (Asia ) Ltd.
- Fachry Ali & Bahtiar Effendy. 1986. *Merambahjalan barn Islam*. Jakarta . Penerbit Mizan.
- Faisal Hj. Othman. 1991. Islam dan pembangunan masyarakat Malaysia. Dim. Ismail Abdul Rahman & Mohd Nasir Omar (pnyt.). *Islam cabaran dan isu semasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazlur Rahman. 1983. *Membuka pintu ijtihad*. Bandung : Penerbit Pustaka.
- Hamka. 1981. *Dari perbendaharaan lama*. Kuala Lumpur : Penerbit Pustaka Antara.
- Harun Nasution. 1973. *Falsafat mistisisme dalam Islam*. Jakarta . Bulan Bintang.
- Hasymy, A. 1981. *Sejarah masuk dan berkembangnya Islam di Indonesia*. Aceh : Pt. al-Maarif.
- Ibn. Battutah. 1929. *Travels in Asia and Africa*. Teij. H.A.R. Gibb. London : George Routledge.
- Idris Zakaria. 2000. Mengapa Melayu tiada ahli falsafah. *Pemikir*, Oktober-Disember :2000.
- Iskandar, T. 1966. *Bustan al-salatin*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. 1985. *Peradaban Melayu dan Islam*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mahayuddin Hj. Yahaya. 1986. Pembangunan negara dan segi perspektif Islam. Dim. Mahayuddin Hj Yahya. *Islam dan pembangunan negara*. Bangi : PenerbitUKM.
- Mahayuddin Hj. Yahaya. 1986. *Sejarah awal perpecahan umat Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayuddin Hj. Yahaya. 1994. *Naskhah Jawi sejarah dan teks*. Jil. 1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayuddin Hj. Yahaya. 2001. *Islam di alam Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Jamil Mukmin. 1994. *Melaka pusat penyebaran Islam di nusantara*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Mohd Nasir Omar. 1991. Islam dan pembangunan sepadu : konsep dan perspektif. Dim. Ismail Abdul Rahman & Mohd Nasir Omar (pnyt.). *Islam cabaran dan isu semasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1989. Pengislaman orang-orang Melayu : suatu tranformasi budaya. Dim. Ahmad Ibrahim, Sharob Siddique & Yasmin Hussain. *Islam di Asia Tenggara dari perspektif sejarah*. Jakarta : Penerbit LP3ES.
- Mohd Yusoff Hashim. 1988. *Persejarahan Melayu nusantara*. Kuala Lumpur : Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Ibrahim. 2000. *Pengantar ilmu sejarah dan pensejarahan*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauli Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1980. Islam dalam sejarah perundangan Melaka di abad ke 15/16. Dim. Khoo Kay Kim ( pnyt. ). *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Persatuan Seja<sup>r</sup>h Malaysia.
- Nabilah Lubis. 1996. *Syeikh Yusuf al-Taj al-Makasari : menymgkap intisari segala rahasia*. Bandung . Penerbit Mizan.

- Nik Abd Aziz HJ Hassan. 1986. Penulisan semula tulisan sejarah Malaysia menurut kaca mata Islam. Dim. Mahayuddin Hj Yahya. *Islam dan pembangunan negara*. Bangi. Penerbit UKM.
- Othman Yatim. 1997. Bahasa Melayu . satu tinjauan sejarah. Dim. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (pnyt.). *Malaysia dari segi sejarah*. Bil. 5. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia.
- Rajantharan, M. 1999. *Sejarah Melayu ; kesan hubungan kebudayaan Melayu dan India*. Kuala Lumpur . Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suwardi MS. 1991. *Budaya Melayu dalam perjalanannya menuju masa depan*. Pekan Baru : Yayasan Penerbit MSI - Riau.
- Tajuddin Saman. 1993. *Tokoh ulama Nusantara*. Kuala Lumpur : Berita Publishing.
- Wan Muhd. Shaghir Abdullah. \99\.*Khazanah karya pusaka Asia Tenggara*. Jil. 1. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah.
- Wan Muhd. Shaghir Abdullah. 1991.*Khazanah karya pusaka Asia Tenggara*. Jil. 2. Kuala Lumpur . Khazanah Fathaniyah.